



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafs.gov.my

SIARAN MEDIA

AGRICO QATAR SEDIA MELABUR DALAM SEKTOR PERTANIAN MALAYSIA

PUTRAJAYA, 30 JANUARI 2023 - YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah menerima kunjungan hormat daripada Ahmad Hussien Al-Khalaf, Pengerusi dan Pengasas Agrico for Agricultural Development Company (Agrico Qatar) pada 30 Januari 2023 di Putrajaya.

Agrico Qatar adalah merupakan syarikat yang mempunyai kepakaran dalam pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan organik serta akuakultur dan pengurusan sisa organik. Semasa lawatan YAB Perdana Menteri dan YB Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri ke Qatar pada 26-29 Mac 2022 yang lalu, Agrico Qatar telah menyatakan hasratnya untuk melabur dalam sektor pertanian bagi pembangunan buah-buahan berkualiti premium dan fasiliti pengeluaran sayur-sayuran di Malaysia.

Sehubungan itu, pertemuan antara Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan Pengerusi Agrico Qatar kali ini adalah merupakan susulan terhadap cadangan kerjasama antara Agrico Qatar dalam sektor pertanian di Malaysia tersebut. Agrico Qatar melalui anak syarikatnya Agrico Malaysia Sdn. Bhd. bersedia untuk melabur dan menjalinkan kerjasama dalam sektor pertanian dengan Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) terutamanya melalui projek akuakultur, pertanian bersepadu, bekalan baja dan makanan ternakan.

MAFS turut bersedia untuk memudahcara kerjasama antara Jabatan atau Agensi di bawah MAFS dengan Agrico Qatar bagi menjamin sumber makanan yang mampan dan berterusan.

Pertemuan ini turut dihadiri oleh wakil Pejabat YAB Timbalan Perdana Menteri dan wakil Kedutaan Qatar di Malaysia serta pegawai-pegawai kanan MAFS.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
30 JANUARI 2023**